



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI DAN INTEGRITI LHDNM 2017

Cyberjaya, 1 November 2017 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) terus menyemarakkan budaya inovasi dan pengamalan nilai integriti dalam kalangan warga kerjanya menerusi Majlis Sambutan Hari Inovasi dan Integriti LHDNM 2017 yang berlangsung dalam suasana yang cukup meriah di Menara Hasil Cyberjaya pada hari ini. Majlis sambutan Hari Inovasi dan Integriti ini turut melakar sejarah yang tersendiri apabila ia turut dihadiri dan dirasmikan oleh Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara (KSN) buat julung-julung kalinya.

Uniknya penganjuran pada edisi kali ini adalah gabungan dua majlis sambutan utama LHDNM iaitu kemuncak Sambutan Hari Inovasi dan Sambutan Hari Integriti LHDNM 2017 yang kebiasaannya disambut secara berasingan sebelum ini. Maka penganjuran pada edisi kali ini secara tidak langsung bertepatan dengan intipati Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang berpaksikan kepada penyampaian perkhidmatan atau program kerajaan kepada rakyat dengan penjimatan kos, berimpak tinggi dan pantas.

Tan Sri Dr. Ali Hamsa dalam ucapan perasmiannya berkata, menerusi pembudayaan inovasi berteraskan nilai-nilai integriti yang tinggi, Malaysia berada di landasan yang kukuh dalam usaha untuk mencapai *High Income Advanced Economy* menjelang tahun 2020 sekaligus mampu untuk merealisasikan visi dan misi Transformasi Nasional 50 (TN50) yang dicetuskan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

Beliau juga mengiktiraf peranan LHDNM dalam membantu kerajaan mengutip hasil cukai demi kelestarian sosio-ekonomi negara, “LHDNM merupakan sebuah agensi penting dalam sistem perkhidmatan awam negara. Ia merupakan agensi utama yang menyumbang lebih separuh daripada hasil pendapatan negara menerusi kutipan cukai pendapatan. Justeru itu, LHDNM mempunyai peranan dalam merealisasikan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi” ujar beliau.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM, Dato’ Sri Sabin Samitah dalam ucapannya pula berkata, Sambutan Hari Inovasi dan Integriti LHDNM 2017 tahun ini digarap berasaskan kesepaduan elemen inovasi dan integriti yang difokuskan kepada fungsi dan peranan LHDNM. Beliau terus menyatakan komitmen LHDNM dalam menyokong setiap perancangan kerajaan melalui pelaksanaan peranannya sebagai ejen kutipan hasil dan penguatkuasaan undang-undang percukaian. Justeru, LHDNM akan sentiasa menambah baik mutu perkhidmatan sedia ada dalam usaha untuk memudahkan urusan pembayar cukai menjalankan tanggungjawab mereka kepada negara di samping menguatkuasakan undang-undang bagi menutup peluang pelarian cukai.

Beliau turut berkata, selain menyuburkan amalan inovasi, LHDNM juga merupakan agensi kerajaan yang sentiasa berpegang dengan nilai-nilai moral dan integriti yang tinggi dalam menjalankan fungsinya dan kesepaduan yang terjalin ini telah memacu prestasi kutipan cukai langsung negara yang kekal menjadi penyumbang utama hasil negara sehingga kini sekaligus dapat membantu negara mencapai status negara maju berpendapatan tinggi.

Sebagai mendukung aspirasi inovasi dan integriti, LHDNM juga mengumumkan akan melaksanakan **Program *Nine Golden Rules For High Impact Customer Service*** di seluruh Cawangan LHDNM dalam usaha untuk menambah baik dan meningkatkan

kualiti penyampaian perkhidmatan pelanggan dalam kalangan warga kerja LHDNM. Program berbentuk siri taklimat kepada warga kerja LHDNM ini akan memberikan penekanan kepada tiga elemen komunikasi yang penting iaitu, **kemahiran mendengar, kemahiran bercakap dan penguasaan bahasa badan.**

Majlis Sambutan Hari Inovasi dan Integriti ini juga menyaksikan dua produk utama dilancarkan iaitu:

I. Pelan Pengurusan Risiko Rasuah LHDNM

- Pelan yang dibangunkan secara komprehensif untuk memastikan pengurusan risiko rasuah LHDNM adalah cekap dan berkesan.

II. Modul Latihan Integriti LHDNM.

- Modul untuk melahirkan pegawai LHDNM yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kepakaran dalam bidang pengurusan integriti, sekaligus menjadi landasan dalam merealisasikan Dasar Kualiti LHDNM.

Majlis yang disiarkan secara langsung dan boleh ditonton oleh semua warga kerja LHDNM ini juga turut diserikan dengan penganjuran mini karnival yang berlangsung selama 2 hari serta penyampaian hadiah kemenangan kepada pemenang-pemenang pertandingan Hari Inovasi LHDNM 2017 seperti yang berikut:

Jadual 1 : Senarai Pemenang Pertandingan Hari Inovasi LHDNM 2017

Finalis AICEO LHDNM 2017 (KUMPULAN HASIL SPY)		
Bil.	NAMA	HADIAH
1	Norhayati Mat Nor	RM1,500.00
2	Zurina binti Mat Nor	
3	Suhaila binti Othman	
4	Mohd Rozaen bin Amdan	

5	Khairul Nahar bin Mohd Nor	
6	Muhammmad Hafiz bin Hassan	
7	Mohd Redzuan bin Ismail	
8	Afy Sufiana binti Alang	
9	Huda binti Appandi	
10	Aizat Ikhwan bin Roslan	
Finalis AICEO LHDNM 2017 (KUMPULAN HAQQ)		
Bil.	NAMA	HADIAH
11	Saiful Adli bin Othman	RM1,500.00
12	Sayed Adli bin Sayed Kadir	
PEMENANG PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO INOVASI LHDNM 2017		
Bil.	NAMA	HADIAH
13	Mohd Wazil bin Sulni	RM1,000.00
PEMENANG PERTANDINGAN MENCIPTA POSTER PERCUKAIAN DALAM BENTUK DIGITAL 2017		
Bil.	NAMA	HADIAH
14	Mohd Amirul Ashraf bin Radzuan (Johan)	RM1,000.00
15	Mohd Ahmrizal bin Ahmad (Tempat Kedua)	RM750.00
16	Mohd Amirul Ashraf bin Radzuan (Tempat ketiga)	RM500.00
PEMENANG PERTANDINGAN MENCIPTA SLOGAN INOVASI LHDNM 2017		
Bil.	NAMA	HADIAH
17	Azlinda Putri binti Azman	RM1,000.00
PEMENANG IDEA HASIL LHDNM 2017		
Bil.	NAMA	HADIAH
18	Wardatul Raihan binti Ahmad	RM500.00
19	Siti Nooremy binti Sariman	RM300.00

20	Noor Nafisa binti Abdul Gafor	
21	Rahimah binti Abdullah	RM200.00
PEMENANG PERTANDINGAN KEMBARA INOVASI HASIL (KIH) 2017		
TEMPAT PERTAMA (KUMPULAN THE 4 LOONERS)		
Bil.	NAMA	HADIAH
22	Shafudin bin Yacob	RM2,000.00
38	Rhyrita binti Sukiman	
39	Norashikin binti Ab Aziz	
40	Masnudiah binti Abdullah	
TEMPAT KEDUA (KUMPULAN BEEPEE)		
Bil.	NAMA	HADIAH
41	Zizi Irlanty binti Aznan	RM1,300.00
42	Nurzatul Hayanie binti Mohamed	
43	Noor Azlina binti Mohd Arif	
44	Shamsul Zahuri binti Johari	
TEMPAT KETIGA (KUMPULAN CHERAS / BANGI)		
Bil.	NAMA	HADIAH
45	Intan Syakira binti Sulaiman	RM1,000.00
46	Norasmawati binti Mohamed Nor	
47	Nurul Fatiha binti Sohaimi	
48	Muhammad Syazwan bin Malik	

Majlis ini turut dihadiri oleh Puan Rozina Shaik Osman Merican, Pengarah Jabatan Khidmat Korporat LHDNM, Puan Siti Rosnah Md Hashim, Pengarah Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko, Timbalan-Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM dan juga warga kerja LHDNM di sekitar Lembah Klang.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 / 21676 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 1 November 2017.



Gambar 1 : Tan Sri Dr. Ali Hamsa bersama-sama dengan barisan pengurusan LHDNM semasa menyempurnakan gimik perasmian.



Gambar 2 : Perasmian Majlis Sambutan Hari Inovasi & Integriti LHDNM 2017.



Gambar 3 : Johan Pertandingan Kembara Inovasi Hasil 2017 - KUMPULAN THE 4 LOONERS.



Gambar 4 : Mohd Amirul Ashraf bin Radzuan, Johan Pertandingan Mencipta Poster Percukaian Dalam Bentuk Digital 2017.